



**RINGKASAN LAPORAN  
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)**

---

**HARI EKSA DAN SESI GOTONG-ROYONG SIRI I BULAN MAC BIL. 04/2018  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA NEGERI PERLIS**

**TARIKH** : 14 Mac 2018 (26 Jamadil Awal 1439H)  
**MASA** : 3.00 petang  
**TEMPAT** : Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis

**A. PENDAHULUAN**

Hari EKSA DAN Sesi Gotong-Royong mengikut siri ini merupakan aktiviti berkala yang dilaksanakan oleh jabatan ini bagi memperkemaskan lagi persekitaran pejabat agar lebih kondusif, selesa dan selamat untuk digunakan oleh kakitangan di jabatan ini dalam melaksanakan tugas harian. Sesi gotong-royong ini juga diadakan bersempena lawatan kerja Ybhg. Puan Surayati Binti Ibrahim, Ketua Pengarah JPPM ke jabatan ini pada 16 Mac 2018.

Kakitangan yang terlibat dalam gotong royong ini adalah Puan Rohaida Binti Hassan, Encik Mohd Asri Bin Khamis, Puan Tuan Pah Zurina Binti Sharih Ahmad, Puan Mazlina binti Hassan, Cik Siti Nor Rafizouh Binti Hamat, Encik Azli Suhadi Bin Shoib, Encik Ahmad Zamani Bin Ahmad Bustaman, Encik Husaini Bin Kasim, Cik Siti Noor Ashiekah Binti Hamat, dan Encik Norhafidzi Bin Nurdin.

Sesi gotong-royong ini dijalankan disemua ruang pejabat JPPM Negeri Perlis. Operasi yang dijalankan adalah menyisih, mengemas, mengelap dan menyusunatur di sekitar ruangan pejabat serta membuat persediaan sudut KOSPEN yang akan dirasmikan oleh Ketua Pengarah JPPM semasa lawatan beliau.

**B. OBJEKTIF**

- Memupuk semangat kerja secara berkumpulan di kalangan kakitangan.
- Memastikan persekitaran pejabat berada dalam keadaan yang bersih dan selamat
- Ke arah pensijilan semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi tahun 2018

**Disediakan oleh:**

**(Siti Noor Ashiekah Binti Hamat)  
Setiausaha EKSA JPPM Negeri Perlis**

**GAMBAR-GAMBAR SEMASA GOTONG-ROYONG**

